

Pendapat Sharir pandangan peribadi:

Dr M
2 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat
- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kenyataan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Sharir Samad berhubung punca kekalahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas sebagai pandangan peribadi.

"Itu pandangan peribadi Datuk Sharir," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Umno Bahagian Johor Bahru itu dalam laman web, Malaysiakini.com semalam.

Sharir dilaporkan sebagai berkata pengundi di Lunas tidak berpuas hati kerana tiada perubahan dalam kerajaan dan bukan disebabkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak memberitahu sama ada Sharir membangkitkan perkara itu dalam mesyuarat MT hari ini yang membincangkan dengan panjang lebar mengenai kekalahan BN di Lunas.

Mengenai pandangan Sharir bahawa penggunaan poster Dr Mahathir berkemungkinan turut membawa kepada kekalahan dalam pilihan raya itu, Perdana Menteri menjelaskan perkara itu memang sudah menjadi satu kebiasaan dan tidak boleh dikaitkan dengan punca kekalahan BN.

"Ia tidak menikam diri sendiri, memang baik untuk menggunakan poster saya. Kita telah memenangi beratus pilihan raya lain bersama poster saya. Sebelum itu, apabila Tunku Abdul Rahman menjadi Presiden Umno, kita menggunakan posternya dan kita menang," kata Dr Mahathir.